

## Pemeriksaan Sebelum Menunggang

Untuk menjamin keselamatan, anda bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan sebelum menunggang untuk membetulkan segala masalah yang mungkin wujud. Pemeriksaan sebegini semestinya dilakukan kerana bukan sahaja untuk mengelak kemalangan tetapi juga untuk mengelak kerosakan ataupun pancit.

Periksa bahagian berikut sebelum mula menunggang kenderaan anda:

- Paras minyak petrol – isi tangki minyak apabila perlu. ➔ MS. 28
- Pendikit – Periksa untuk pastikan kawalan yang licin dalam semua posisi stereng. ➔ MS. 73
- Paras minyak enjin – Tambah minyak enjin jikalau perlu. Periksa kebocoran. ➔ MS. 56
- Rantai pemacu – Periksa keadaan kelonggaran, melaras dan minyakkan jika perlu. ➔ MS. 68

- Brek – Periksa operasi;  
**AFS110MD**  
Hadapan dan Belakang: periksa kehausan kasut (➔ MS. 65) dan kelegaan, melaras jikalau perlu. ➔ MS. 62, 64  
**AFS110MCS**  
Hadapan: periksa paras bendalir brek dan kehausan pad. ➔ MS. 59, 60  
Belakang: periksa kehausan kasut dan kelegaan, melaras jikalau perlu. ➔ MS. 65
- Lampu dan hon – Periksa lampu, isyarat dan hon berfungsi dalam keadaan baik.
- Roda dan tayar – Periksa keadaan, tekanan angin dan lakukan pelarasan jikalau perlu. ➔ MS. 44